

Universiti menyelidiki 'enjin' pertumbuhan ekonomi negara

Dari Kaca Mata



Prof. Datuk Dr. Abdul Wahab Mohammad

Felak Akademi Sains dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Kebangsaan Malaysia

Jika masyarakat luar kampus diminta menamakan lima universiti penyelidikan di negara ini, besar kemungkinan tidak ramal dapat melakukannya.

Pada pandangan masyarakat, semua universiti adalah sama, cuma namanya berbeza. Namun, terdapat beberapa perbezaan yang perlu diperjelaskan, termasuk peranan universiti penyelidikan yang mesti difahami masyarakat.

Konsep universiti penyelidikan bukan baharu. Di luar negara, semua universiti terkemuka dunia seperti Harvard, MIT, Oxford dan Cambridge ialah universiti penyelidikan.

Secara prinsip boleh dikatakan universiti penyelidikan ialah institusi pengajian tinggi yang menjadikan penyelidikan serta inovasi sebagai teras utama misi.

Di Malaysia, di bawah takrifan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), ada lima universiti bertaraf penyelidikan buat masa ini.

Ia meliputi tiga di Lembah Klang iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta dua di luar Lembah Klang, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Konsep universiti penyelidikan mula diperkenalkan pada 2000 yang kertas konsep diluluskan Kabinet pada masa itu.

Melalui Kertas Konsep Perubahan Universiti Penyelidikan (2003), visinya ditakrifkan sebagai universiti yang mengambil bahagian aktif dalam pencerobohan idea baharu, menguji kaedah inovatif serta mengambil inisiatif secara intelektual untuk terus meneroka dan mengembang ilmu yang terkehadapan.

Misi yang ditetapkan bagi universiti penyelidikan pula adalah untuk menjadi enjin pertumbuhan bagi negara, membuka pe-

luang bagi pelajar dan sarjana bertukar fikiran, juga melakukan penyelidikan dalam suasana kondusif yang menyemarakkan eksplorasi dan kreativiti untuk meneroka ilmu serta menjana kekayaan, akhirnya meningkatkan kualiti hidup.

Untuk mencapai visi dan misi ini, beberapa matlamat spesifik digariskan, iaitu menjadi pemimpin dalam inovasi, menghasilkan pemenang Hadiah Nobel, menghasilkan penyelidikan bertaraf dunia dan menjadi pusat kecermerlangan dalam bidang keutamaan negara.

Selain itu, matlamatnya adalah menjana penerbitan penyelidikan yang mempunyai dampak tinggi, memperoleh geran penyelidikan daripada industri, menarik dan menghasilkan graduan bermutu tinggi, menarik pakar terbaik untuk pengajaran serta penyelidikan dan akhir sekali menyediakan suasana kondusif untuk semua hal berkenaan.

Hasrat kerajaan ketika itu supaya universiti penyelidikan dapat menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi melalui penerokaan idea dan ilmu baharu serta terkehadapan.

Bagi menjadi pemangkin, ini

bermakna pelajar, graduan, kakitangan akademik dan sokongan perlu bergerak seadeg dengan visi serta misi dinyatakan. Ia bukan semata-mata tugas penyelidik, sebaliknya keseluruhan universiti.

Di universiti penyelidikan bukan bermakna hanya aspek penyelidikan dan inovasi menjadi tumpuan atau keutamaan, tetapi perlu juga meliputi aspek pengajaran serta pembelajaran, pembangunan pelajar, penghasilan graduan berkualiti tinggi pada semua tahap dan penyediaan ekosistem universiti yang hebat untuk menyokong usaha ini.

Bagi aspek penyelidikan dan inovasi, matlamat jelas supaya penyelidikan dijalankan perlu relevan serta mempunyai dampak serta impak tinggi.

Bagi mencapai matlamat ini, kualiti penyelidikan dan inovasi mesti pada tahap tertinggi yang dapat menyaingi negara maju. Ilmu dihasil dan didokumenkan dalam tesis, buku atau kertas jurnal diiktiraf dunia, perlu disampaikan serta dipindahkan kepada masyarakat luar kampus dan industri tempatan.

Kerjasama dengan sektor industri dalam penyelidikan dan ino-

vasi harus ditingkatkan dalam penghasilan produk atau inovasi baharu yang dapat menjana pulangan kepada negara.

Jika aspek ini dapat dilaksanakan, pelajar universiti penyelidikan pada semua tahap (prasiswazah dan pascasiswazah) berpeluang melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang betul-betul mencabar dan sentiasa memperoleh ilmu terkehadapan.

Kurikulum program akademik sentiasa menawarkan ilmu terkini untuk pelajar. Bayangkan ilmuwan universiti penyelidikan terkenal hebat dengan ilmunya, menyampalkan hasil kajian mereka bertaraf dunia melalui kursus prasiswazah dan pascasiswazah.

Pelajar juga mungkin berpeluang melakukan kajian ilmiah dalam bidang kajian profesor terhebat bertaraf dunia. Ini sudah tentu mampu melahirkan graduan universiti berfikir kritis dan mempunyai minda penyelidikan dan mampu berinovasi.

Bukankah ini sangat baik untuk negara?

Bagi mencapai harapan ini, ekosistem dan bakat kakitangan universiti perlu juga diperhebatkan.

Kakitangan pada semua peringkat dalam universiti penyelidikan perlu berbeza daripada kakitangan di universiti lain.

Minda mereka perlu kritikal dan inovatif memahami kehebatan sesebuah universiti penyelidikan. Oleh itu, mereka perlu dilengkapi ilmu terkini dan teknologi terkehadapan yang dapat menjadikan mereka sebagai kakitangan universiti cekap dan berkesan.

Ekosistem universiti - prasarana, kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kemudahan lain - perlu berada pada tahap tertinggi untuk menyediakan satu platform bagi mencapai matlamat dinyatakan.

Jika ini dapat dilakukan, insya Allah suatu hari nanti kita dapat berbangga bahawa universiti penyelidikan di negara ini berjaya menjadi pemangkin bukan sahaja bagi pertumbuhan ekonomi negara, bahkan dalam penghasilan insan berfikir terkehadapan yang dapat membantu Malaysia menjadi negara maju dalam erti kata sebenarnya.

Pembangunan dan kemajuan universiti penyelidikan pada landasan yang betul hanya akan menguntungkan negara.



Universiti penyelidikan mampu melahirkan graduan berfikir kritis dan mampu berinovasi.

(Foto: ihsan)

Bagi mencapai matlamat ini, kualiti penyelidikan dan inovasi perlulah pada tahap tertinggi yang dapat menyaingi negara maju. Ilmu dihasilkan dan didokumenkan dalam tesis, buku atau kertas jurnal diiktiraf dunia, perlu disampaikan serta dipindahkan kepada masyarakat luar kampus dan industri tempatan.